

13 SEP 2000

GATES-WAWASAN/I

GATES PANCAR WAWASAN "PERNIAGAAN TANPA HALANGAN"

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Teknologi yang muncul dalam bentuk komputer peribadi (PC) dan Internet sedang mengubah peraturan produktiviti, kata pengerusi dan ketua arkitek perisian Microsoft, Bill Gates di sini hari ini.

Berucap pada sidang Kemuncak Eksekutif Microsoft untuk memperkenalkan wawasan syarikat itu "Perniagaan Tanpa Halangan", katanya telekomunikasi tanpa wayar, alat-alat skrin kecil, dan perisian pengenalan tulisan tangan akan mempertingkatkan kepentingan PC.

Penyatuan teknologi seumpama itu akan membawa perkakas yang menjadikan "anda seolah-olah tidak meninggalkan pejabat (walaupun) ketika anda meninggalkan pejabat," kata Gates, yang melakukan lawatan ketigannya ke Malaysia setakat ini.

Kemuncak Eksekutif Microsoft sehari suntuk itu, yang kedua diadakan di Malaysia, membawa ketua-ketua korporat dan para pemimpin perniagaan bersama untuk berkongsi pengetahuan mengenai kesan ekonomi digital ke atas amalan-amalan dan operasi.

Lebih 600 tetamu daripada syarikat-syarikat bertahap tinggi di Malaysia, Singapura, Thailand, Indonesia dan Fikipina menghadiri sidang kemuncak itu.

Gates berkata dengan jumlah lalulintas yang tinggi bergerak melintasi Internet, mencapai pergantungan total menjadi satu kebimbangan.

Membeli perkakasan mahal seperti kerangka utama tidak memadai bagi aplikasi masa sebenar, katanya.

Pergantungan penuh akan dicapai dengan satu kelengkapan atau satu sistem yang boleh menjalankan tugas berganda, tambahnya.

"Sekiranya salah satu daripada sistem itu mempunyai masalah, ia boleh menyerahkan bahagian kerja penting kepada satu sistem lain," kata Gates, yang menjadi ketua arkitek perisian Microsoft pada Januari lalu, menumpukan sepenuh perhatiannya kepada Microsoft.NET.

Microsoft.NET akan memberikan pengalaman Internet yang lebih mudah, lebih peribadi dan lebih produktif dengan menguasai gugusan alat pintar dan laman-laman web dengan perisian canggih melalui Protokol-protokol dan format-format Internet.

Lawatan Gates terakhir ke Malaysia berlaku dua setengah tahun lalu. Program Gates bagi lawatan terkini termasuk pembukaan rasmi Microsoft Knowledge Capital Centre Sdn Bhd (MKCC) -- syarikat bertaraf MSC Microsoft di Cyberjaya.

Lawatannya juga meliputi perjumpaan-perjumpaan dengan para pemimpin industri, korporat dan kerajaan penting, termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Diasaskan pada 1975, Microsoft adalah pemimpin sedunia dalam perisian, perkhidmatan dan teknologi Internet bagi perkomputeran peribadi dan perniagaan.

-- BERNAMA

MAD SEL OS MA